


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

29
SEP





MEMAHAMI PERANAN IT DAN ICT




**MEMAHAMI PERANAN
IT DAN ICT**

“Teknologi maklumat tidak terhad kepada internet dan komputer sahaja tetapi ia melibatkan televisyen, telefon, telefon mudah alih, faxes, telegram, Personal Digital Asistant (PDA) dan sistem satelit dalam menyampaikan maklumat kepada penerima”

untuk berita penuh layari <http://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/>

 facebook.com/USMOfficial1969  twitter.com/USMOfficial1969  instagram/USMOfficial1969  youtube.com/USMTV

KAMI MEMIMPIN | WE LEAD www.usm.my 

KUBANG KERIAN, KELANTAN, 28 September 2016 - Dalam zaman yang serba moden ini, istilah Teknologi Maklumat telah diperluaskan bagi merangkumi pelbagai aspek pengkomputeran dan teknologi.

Menurut Pengarah Penerbit, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Profesor Dr. Zaharin Yusof, ahli-ahli profesional telah melakukan pelbagai tugas yang berbeza-beza dari segi pemasangan perisian penggunaan teknologi serta perekaan bentuk rangkaian komputer dan juga pangkalan data untuk maklumat yang terkini.

“Mereka telah menjalani beberapa kajian melalui teknologi maklumat seperti pengurusan data, pengurusan sistem, perangkaian komputer, perekaan bentuk perisian, perekaan bentuk sistem pangkalan data serta sistem maklumat pengurusan.

“Teknologi Maklumat (Information Technology) atau IT dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology) atau ICT merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data,” katanya ketika menjadi panel Forum Cakna teknologi ICT: Memperkasakan Masyarakat Melalui IT, di Dewan Utama Kampus Kesihatan, di sini.

Zaharin berkata, penggunaan komputer dan perisian untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat, dan mendapatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu.

“Teknologi maklumat boleh diringkaskan sebagai satu proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat menggunakan perantaraan teknologi serta ia juga disifatkan sebagai satu bentuk pemudah cara yang membolehkan pengaliran maklumat menjadi lebih pantas.

“Teknologi maklumat tidak terhad kepada internet dan komputer sahaja tetapi ia melibatkan televisyen, telefon, telefon mudah alih, faks, telegram, Personal Digital Assistant (PDA) dan sistem satelit dalam menyampaikan maklumat kepada penerima,” jelasnya lagi.

Tambah Zaharin, terdapat tiga asas penting dalam penggunaan teknologi maklumat iaitu untuk mengumpul maklumat di mana ia digunakan untuk suntingan contohnya dengan menggunakan komputer ia boleh merekodkan bunyi imej dan sebagai pengesan gerakan untuk sesuatu objek.

“Keduanya ialah untuk memanipulasikan maklumat dan memproses semua imej serta yang ketiga ialah untuk berkomunikasi iaitu bagi menjelaskan bagaimana teknologi maklumat digunakan untuk berkomunikasi bagi mendapatkan maklumat daripada sesuatu sumber kepada penerima,” jelasnya lagi.

Teks: Anawiah Abdul Aziz / Foto: Wan Mohd Rashidi Wan Mood



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015

